



# PERSATUAN BOLASEPAK NEGERI SABAH

(Sabah Football Association)

Bergabung dengan Persatuan Bolasepak Malaysia

**Penaung:**

YAB Datuk Seri Panglima Hj.  
Mohd Shafie Hj. Apdal

**Presiden:**

YB Datuk Peter Anthony

**Timbalan Presiden:**

Dato' Abdul Rahman Zakaria  
Datuk Juil Nuatim

**Naib-Naib Presiden :**

Encik Benedict Asmat  
Encik Henry Saimpon  
Encik Mohd Ismail Hj Ayub  
Datuk James Wong

**Setiausaha Agung :**

Encik Andrew Weddy  
Majanggim

**Penolong Setiausaha Agung:**

Encik Andrew Laban

**Bendahari Kehormat:**

Encik Yap Wai Loon

**Setiausaha Eksekutif:**

Encik David Wisom

Rujukan kami: SAFA/10/03(20)mfa

Tarikh : 06 Januari 2020

**Maxson Michael George,  
Kampung Tulangis Mahandoi,  
89500 Penampang,  
Sabah.**

Tuan,

## **PELANTIKAN SEBAGAI FISIOTERAPI PASUKAN PIALA BELIA SABAH**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

Sukacita dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Pasukan, Ahli Jawatankuasa tersebut telah sebulat suara melantik Tuan seperti ketetapan berikut:

**Jawatan: Fisioterapi Pasukan Piala Belia Sabah**


**Tempoh: 06 Januari 2020 – 31 Ogos 2020**

Di atas perlantikan ini, saya percaya bahawa Tuan akan memberikan komitmen yang terbaik untuk meningkatkan prestasi dan imej Persatuan Bolasepak Negeri Sabah (SAFA).

Tuan adalah diminta untuk menandatangani kontrak pegawai bola sepak tempatan seperti dilampiran sekiranya menerima tawaran perlantikan ini.

Sekian dan terima kasih.

Yang Menjalankan Amanah,

  
  
**Andrew W. Majanggim**  
Setiausaha Agung

s.k. - YB Datuk Presiden  
- fail pejabat



**PERSATUAN BOLA SEPAK SABAH**  
**(SABAH FOOTBALL ASSOCIATION)**

(BERGABUNG DENGAN PERSATUAN BOLA SEPAK MALAYSIA)

(No. Daftar Pesuruhjaya Sukan : 4924 / 2011)

Aras 1, Bangunan Dewan Perdana MAKSAM, Jalan Istiadat Likas, 88400, Kota Kinabalu, Sabah.

No. Tel : 088 231 112 / 115 Faks : 088 242 552

Email : sabah\_fa@yahoo.com



**KONTRAK PEGAWAI BOLA SEPAK TEMPATAN**

Satu Kontrak yang dibuat pada hari **06** bulan **Januari** tahun **2020** di antara **Persatuan Bolasepak Sabah** (nama \*Persatuan Bolasepak Negeri/Kelab) yang beralamat di **Jalan Kompleks Sukan Likas, Kawasan Padang Boling Likas, 88400, Kota Kinabalu, Sabah** yang dalam hal ini diwakili oleh:

Nama : **Andrew Weddy Majanggim**

No. Kad Pengenalan : **750412-12-5639**

Jawatan : **Setiausaha Agung**

Alamat : **Jalan Kompleks Sukan Likas, Kawasan Padang Boling Likas, 88400, Kota Kinabalu, Sabah**

(selepas ini disebut sebagai "Ahli") di sebelah pihak DAN

Nama : **Maxson Michael George**

No. Kad Pengenalan : **910130-12-5673**

Alamat : **Kampung Tulangis Mahandoi 89500 Penampang Sabah**

(selepas ini sebut sebagai "Pegawai") di pihak yang lain.

Bahawa di dalam Kontrak ini melainkan ayatnya mengkehendaki makna yang lain, maka terma-terma yang dinyatakan di bawah adalah terlebih dahulu menerangkan hal-hal sebagai berikut :

Bahawa di dalam Kontrak ini melainkan ayatnya mengkehendaki makna yang lain, maka terma-terma yang dinyatakan di bawah adalah terlebih dahulu menerangkan hal-hal sebagai berikut :

1. Bahawa FAM adalah Persatuan Bolasepak Malaysia yang disahkan oleh Pesuruhjaya Sukan Malaysia dan menjadi Ahli Gabungan Asian Football Confederation (AFC) dan Federation Internationale de Football Association (FIFA)
- 2.
3. Bahawa Ahli adalah Ahli kepada **FAM** yang diterima masuk mengikut Perkara 11, Statut FAM dan mempunyai hak mutlak ke atas Pegawai dan Pemain yang sah didaftarkan dengan Ahli untuk menyertai Aktiviti Bolasepak yang dikelola atau disahkan oleh **FAM**.
3. Bahawa Ahli Baharu adalah Ahli **FAM atau Kelab** yang memohon Pemain atau Pegawai daripada Ahli bagi tujuan menyertai Aktiviti Bolasepak tertakluk kepada Peraturan **FAM**.
4. Bahawa Kelab adalah Ahli Gabungan kepada Ahli dan disahkan oleh **FAM** untuk menyertai mana-mana pertandingan bolasepak yang dikelola atau disahkan oleh **FAM**. Bagi maksud Kontrak ini, Kelab akan juga disebut sebagai Ahli.
5. Bahawa Pegawai adalah Pegawai Bolasepak Professional yang pada masa Kontrak ini ditandatangani tidak terikat dengan mana-mana Kontrak atau pekerjaan dengan mana-mana pihak lain.
6. Bahawa Persatuan Pemain Professional, Malaysia adalah sebuah badan mewakili Pemain-Pemain Bolasepak Professional di Malaysia yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Sukan Malaysia.
7. Bahawa Jawatankuasa Status FAM adalah badan mengikut Statut FAM bagi menyelesaikan perselisihan hal-hal berkaitan dengan status, perpindahan dan kontrak mengikut Peraturan Status dan Perpindahan Malaysia di antara Ahli dan Pegawai selepas Ahli gagal menyelesaikan kes kontrak dengan Pegawai.
8. Bahawa Majlis Timbangtara adalah badan yang membuat keputusan muktamad mengenai perselisihan kontrak di antara Ahli dan Pegawai. Keputusan Majlis Timbangtara ini wajib dipatuhi oleh semua pihak dan tidak boleh dirayu lagi.
9. Bahawa Ejen atau Wakil ialah individu yang bertauliah seperti yang ditetapkan oleh Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM atau FIFA termasuklah ibu dan bapa kepada Pemain, Peguam atau Ejen yang diluluskan oleh FAM atau FIFA.
10. Bahawa Aktiviti Bolasepak bermaksud apabila Pasukan, Pegawai atau Pemain atau sesiapa sahaja yang menyertai apa-apa Aktiviti Bolasepak, Futsal, Bolasepak Pantai atau Bolasepak Wanita dan lain-lain aktiviti-aktiviti yang bersampingan dengannya dan

termasuklah aktiviti-aktiviti seperti yang diputuskan atau diluluskan oleh FAM.

11. Bahawa Peraturan **FAM** bermaksud Statut **FAM**, Peraturan, atau mana-mana peraturan yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa Tetap **FAM**, Jawatankuasa Perundangan, Jawatankuasa Khas, Majlis, Jawatankuasa Eksekutif, Undang-undang Kecil, Kaedah, Prosedur, Garis Panduan, syarat-syarat khas, kontrak, Perjanjian Pengelolaan Perlawanan dan termasuklah Pekeliling, siaran atau apa-apa arahan secara bertulis yang dikeluarkan oleh **FAM** dari masa ke semasa.

Semua ketentuan di dalam Perkara Kontrak ini dan juga yang telah ditetapkan di dalam mana-mana Peraturan Pertandingan yang dikelolakan oleh Persatuan, AFC atau FIFA mestilah dipatuhi oleh Ahli dan Pegawai.

Berdasarkan hal-hal tersebut di atas, maka dengan ini Ahli dan Pegawai bersetuju bahawa Pegawai mempunyai kemahiran istimewa dan kemampuan sebagai Pegawai Bolasepak dan khidmat yang ditawarkan di bawah Kontrak ini adalah istimewa dan luar biasa dan atas sebab itu mempunyai nilai tertentu dan bayaran/gaji yang Ahli bersetuju untuk membayar akan mengambil kira kemahiran dan kemampuan Pegawai, dan bahawa Pegawai bersetuju untuk menandatangani Kontrak ini dengan ketentuan-ketentuan yang diterangkan dalam Perkara-perkara **seperti** berikut:

## **PERKARA 1 : TEMPOH KONTRAK**

### **1.1 TEMPOH KONTRAK**

Kontrak ini berkuatkuasa dari 06 Januari 2020 dan ia akan berkuatkuasa sehingga 31 Ogos 2020 (selepas ini dirujuk sebagai "Tempoh Awal") kecuali Tempoh Awal ditamatkan oleh satu Kontrak baru atau menurut peruntukan-peruntukan dalam Kontrak ini. **TARIKH PERMULAAN DAN PENAMATAN KONTRAK HENDAKLAH DINYATAKAN.**

## **PERKARA 2 : PEMBAYARAN-PEMBAYARAN IMBUHAN**

### **2.1 Gaji**

Apabila Pemain menandatangani Kontrak ini dan bersetuju menawarkan khidmat sebagai Pegawai Bolasepak, Ahli akan membayar Pegawai berkenaan gaji menurut JADUAL A.

### **2.2 Bonus Insentif**

Pembayaran bonus insentif dan jumlahnya adalah hak mutlak Ahli.

2.3 Kemudahan-kemudahan lain adalah berdasarkan JADUAL B.

### **PERKARA 3 : TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEGAWAI**

- 3.1 (i) Pegawai akan berkhidmat untuk Pasukan menurut kemampuan terbaiknya dan dengan komitmen; dan hanya untuk Ahli atau seperti yang dibenarkan secara bertulis oleh mana-mana pegawai yang dilantik oleh Ahli atau seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persatuan di mana Pegawai berkhidmat; Pegawai akan mematuhi dan tertakluk kepada Peraturan **FAM** dan Undang-undang Permainan Bolasepak dalam semua perlawanan yang disertainya.
- (ii) ***Pegawai bersetuju dan memberi akujanji untuk mematuhi semua Peraturan FAM dan menentang dengan sekeras-kerasnya perbuatan salah laku yang melanggar semangat kesukanan dan moral semasa melibatkan diri dalam Liga Malaysia dan Aktiviti Bolasepak.***
- 3.2 Pegawai akan berkhidmat dalam semua perlawanan bolasepak di mana dia dipilih untuk mewakili Ahli, dan untuk menghadirkan diri di mana-mana tempat dan waktu bagi tujuan atau sebab-sebab yang berkaitan serta berlatih selaras dengan arahan mana-mana pegawai yang dilantik oleh Ahli. Pegawai akan hadir dalam semua perlawanan yang disertai oleh Ahli jika diarahkan demikian oleh Pegawai yang dilantik oleh Ahli.
- 3.3 Pegawai akan memastikan bahawa pada setiap masa dia berada dalam keadaan fizikal yang baik dan mematuhi norma yang telah ditetapkan oleh **FAM** dan mesti melaksanakan segala kewajibannya di bawah Kontrak ini dengan menunjukkan semangat kesukanan tertinggi. Pegawai mengakui dan menjamin bahawa dia tidak mempunyai sebarang kecacatan fizikal mahupun mental yang tidak dimaklumkan kepada Ahli, ***di mana kecacatan tersebut mungkin*** menjejaskan perkhidmatannya.
- 3.4 Pegawai bersetuju bahawa dia akan pada setiap masa mematuhi Perlembagaan Ahli dan Peraturan **FAM** serta semua undang-undang dan peraturan Ahli dan **FAM** (selepas ini disebut sebagai "Perlembagaan, Undang-undang dan Peraturan"). Pegawai mengisytiharkan bahawa dia telah membaca dan memahami kandungan Perlembagaan, Undang-undang dan Peraturan termasuklah semua pindaan yang diberi kepada Pegawai dengan peruntukan dalam Kontrak ini ***dan menjadikan*** Perlembagaan, Undang-undang dan Peraturan Persatuan ***sebagai*** panduan.

- 3.5 Pegawai tidak akan menyertai mana-mana aktiviti kesukanan atau atletik sebagai profesional tanpa persetujuan bertulis daripada Ahli. Pegawai akan melakukan segala yang wajar bagi mengekalkan keadaan fizikal dan mentalnya di tahap terbaik supaya dia dapat memberi perkhidmatan terbaik kepada Ahli. Pegawai bersetuju bahawa dia tidak akan terlibat dalam mana-mana sukan atau aktiviti yang akan menjejaskan keadaannya.
- 3.6 Pegawai tidak akan melanggar sebarang terma atau syarat sebarang polisi insurans yang diambil bagi dirinya atau bagi Ahli dan tidak akan membabitkan diri dalam mana-mana aktiviti yang mungkin menyebabkan polisi itu luput atau menjadi tidak berkesan.
- 3.7 Pegawai tidak boleh terlibat dalam mana-mana perniagaan, atau tinggal di mana-mana tempat yang menurut pandangan Ahli tidak sesuai bagi melaksanakan kewajipan Pegawai. Pegawai mesti menetap di tempat seperti yang dipersetujui pada Kontrak ini.
- 3.8 Di akhir musim seperti ditentukan oleh **FAM** dan tertakluk kepada kebenaran Ahli, Pegawai boleh hadir dan menyertai kursus-kursus bagi melanjutkan pelajaran atau latihan vokasionalnya, jika Pegawai berhasrat berbuat demikian.
- 3.9 Pegawai membenarkan Ahli menggunakan gambarnya sebagai Pegawai Ahli dengan syarat gambar itu dipakai sebagai gambar rasmi Ahli sahaja. Hanya jika disebut bertulis, dan dengan syarat ia tidak menjejaskan Ahli atau **FAM** secara amnya, Pegawai boleh dalam sikap bertanggungjawab membenarkan gambarnya digunakan oleh media.
- 3.10 Pegawai tidak boleh memujuk atau cuba memujuk secara langsung atau tidak langsung mana-mana orang yang berdaftar sebagai Pegawai dengan Ahli untuk meninggalkan pekerjaan atau menamatkan pendaftaran dengan Ahli atas sebarang alasan sekalipun.
- 3.11 (i) Jika Pegawai tidak dapat hadir atau sakit atau cedera yang berpunca daripada pelaksanaan tanggungjawab di bawah Kontrak ini, dia **mestilah** serta-merta melaporkan keadaan itu kepada Ahli dan memaklumkan kepada Ahli tarikh di mana dia boleh menyambung semula perkhidmatannya. **Pegawai hendaklah menyerahkan kepada Ahli sijil perubatan yang ditandatangani oleh pegawai perubatan yang diluluskan oleh Ahli.** Pegawai dibenarkan tidak hadir dan dikecualikan daripada melaksanakan tanggungjawabnya di bawah Kontrak ini hanya bagi tempoh yang dinyatakan di dalam sijil perubatan itu sehingga maksimum 14 hari dan dalam tempoh tersebut dia akan dibayar gaji penuh.

- (ii) Pegawai **hendaklah** menjalani pemeriksaan perubatan dan/atau pergigian **yang** diarahkan oleh Ahli **serta** sebarang rawatan yang dicadangkan oleh penasihat perubatan dan/atau pergigian Ahli. Ahli akan mengaturkan dan menanggung perbelanjaan pemeriksaan perubatan dan/atau pergigian tersebut dan mestilah memastikan pemeriksaan itu diselesaikan.

3.12 Pegawai hendaklah menghantar satu salinan Kontrak ini kepada **FAM**, selain salinan Kontrak yang sama dihantar oleh Ahli. **Jika berlaku perselisihan atau kilanan mengenai Kontrak ini, dan termasuklah apa-apa yang terkandung dalam Jadual A dan Jadual B, maka Kontrak yang berada di FAM akan menjadi rujukan utama dan akan digunapakai.**

#### **PERKARA 4 : KAJIAN SEMULA PRESTASI**

- 4.1. Pegawai setelah berbincang dengan Ahli akan menetapkan secara bertulis Aras Pencapaian Pasukan dan Pegawai (APP) yang perlu dicapai oleh Pegawai, dan jika APP tidak memuaskan atau APP tidak dapat dicapai pada tempoh yang ditetapkan, Ahli berhak untuk memberi notis tujuh (7) hari bagi memperbaiki APP, dan jika APP gagal dicapai maka Ahli berhak mengambil tindakan sebagaimana yang telah ditetapkan di dalam APP tersebut.

#### **PERKARA 5 : TATACARA TINDAKAN TATATERTIB.**

- 5.1 Ahli boleh mengambil tindakan ke atas Pegawai jika berlaku salah laku, kurang berkesan dalam **khidmatnya** atau masalah disiplin atau prestasi yang kurang memuaskan.
- 5.2 Jika Ahli berpuashati bahawa Pegawai dengan sengaja melanggar arahan Ahli atau **FAM** atau di dalam mana-mana Perlawanan; atau beliau telah melakukan dengan sengaja kesalahan atau perbuatan tercela atau keji yang boleh menyebabkan Penonton merusuh; atau pada pendapat Ahli atau **FAM** bahawa Pegawai telah berkelakuan tidak sopan hingga mencemar nama baik Ahli atau **FAM**, Ahli boleh mengambil tindakan seperti berikut:
  - (i) bagi kesalahan pertama Ahli berhak memotong maksimum 15% daripada gaji Pegawai,
  - (ii) bagi kesalahan kedua Ahli berhak memotong maksimum 30% daripada gaji Pegawai,
  - (iii) bagi kesalahan ketiga dan telah dibuktikan bersalah oleh Jawatankuasa Tatatertib Ahli atau FAM, maka Ahli berhak

menamatkan Kontrak Pegawai dengan memberi 30 hari notis penamatan Kontrak.

- 5.3 Semasa Tempoh Awal atau sebarang penambahan kepadanya, Pegawai hendaklah pada setiap masa berkelakuan secara profesional selari dengan status sebagai Pegawai Bolasepak professional, dan dia tidak boleh melakukan **apa-apa tindakan** yang **boleh** mengakibatkan dia didakwa di bawah mana-mana undang-undang yang buat masa ini berkuatkuasa di Malaysia.
- 5.4 Jika Pegawai dihadapkan ke mahkamah bagi sebarang kesalahan yang dianggap serius oleh **FAM** atau Ahli atau membawa nama buruk kepada permainan, **FAM** atau Ahli maka dia akan digantung perkhidmatan dengan dibayar setengah gajinya sehingga kes selesai atau kontraknya tamat, yang mana berlaku lebih awal.
- 5.5 **Pegawai tidak dibenarkan sama sekali untuk membayar atau menerima bayaran sebagai sogokan untuk mengatur perlawanan.**
- 5.6 Pegawai dilarang membuat kenyataan akhbar berhubung sesuatu perlawanan, pengadilan, **FAM**, **Ahli**, pasukan dan hal-hal lain yang berkaitan dengan urusan pentadbiran bolasepak Ahli atau **FAM** tanpa kebenaran daripada Ahli atau **FAM**.
- 5.7 Jika tindakan tatatertib telah diambil ke atas Pegawai atau jika Kontraknya telah ditamatkan, Pegawai boleh merayu **mengikut Perkara 6 Kontrak ini**.

#### **PERKARA 6 : TATACARA RUNGUTAN**

- 6.1 Jika terdapat rungutan berhubung terma dan syarat-syarat atau Perkara dibawah Kontrak ini, tatacara berikut akan diguna pakai:-
- (i) Satu notis rungutan secara bertulis perlu dikemukakan kepada Ahli dalam tempoh tujuh (7) hari rungutan itu timbul.
  - (ii) Jika rungutan tidak dapat diselesaikan oleh Ahli, Pegawai boleh merayu dalam masa tujuh (7) hari selepas menerima keputusan Ahli kepada Jawatankuasa Status, FAM.
  - (iii) Jika Pegawai tidak berpuashati dengan keputusan Jawatankuasa Status **FAM**, maka Pegawai boleh merujuk kepada Jawatankuasa Rayuan FAM dan jika masih tidak dapat diselesai maka pihak-pihak yang berkenaan hendaklah merujuk kepada Majlis Timbangtara mengikut Akta Timbangtara 1952 oleh seorang Arbitrator yang dipersetujui bersama oleh Ahli dan Pegawai. Proses itu akan diadakan di Malaysia. Keputusan Arbitrator adalah muktamad dan



hendaklah diterima oleh semua pihak terbabit. Bayaran kos Arbitrator hendaklah ditanggung oleh kedua-dua pihak seperti diputuskan oleh Arbitrator.

#### **PERKARA 7 : PENAMATAN KONTRAK.**

- 7.1 Kontrak ini berakhir dan tidak berkuatkuasa selepas tarikh yang disebut di perkara 1 kecuali diperbaharui atau dilanjutkan bagi satu tempoh yang lain.
- 7.2 Kontrak ini boleh ditamatkan pada bila-bila masa dengan persetujuan Ahli dengan Pegawai tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang dipersetujui oleh mereka.
- 7.3 Kontrak ini juga boleh ditamatkan oleh Ahli dengan memberi notis satu bulan penamatan Kontrak atau gaji satu bulan sebagai bayaran notis tersebut **jika**:
- (i) Pegawai digantung daripada Aktiviti Bolasepak selama tiga puluh (30) hari atau lebih; atau jika Pegawai dikenakan tindakan tatatertib di bawah Kontrak ini.
  - (ii) Pegawai perubatan Ahli mengesahkan bahawa Pegawai tidak berada dalam keadaan fizikal yang sesuai untuk berkhidmat bagi tempoh tiga puluh (30) hari atau lebih tertakluk kepada pendapat kedua dari pegawai perubatan berkecuali yang dipersetujui dan dibayar oleh Pegawai dan Ahli.

#### **PERKARA 8 : PENDAFTARAN PEGAWAI DENGAN FAM**

- 8.1 Sepanjang tempoh Kontrak ini, Ahli akan mendaftarkan Pegawai dengan **FAM** menurut peraturan dan undang-undang **FAM**. Pendaftaran boleh dipindahkan dalam masa Kontrak ini jika Ahli dan Pegawai setuju dan Kontrak ditamatkan sebaik sahaja perpindahan berkuatkuasa.
- 8.2 Bagi maksud pendaftaran Pegawai di dalam Liga Malaysia atau lain-lain Pertandingan kelolaan FAM, Ahli hendaklah mengemukakan kontrak ini yang lengkap bersama-sama dengan:
- (i) Salinan Polisi Insuran Hospital dan Pembedahan, dan
  - (ii) Salinan Polisi Insuran Polisi Kemalangan Peribadi.

## **PERKARA 9 : MELANJUTKAN TEMPOH KONTRAK.**

- 9.1 Ahli hendaklah, dalam masa 30 hari sebelum Kontrak ini tamat, memberi notis kepada Pegawai untuk melanjutkan Kontrak ini.
- 9.2 Notis perlu menyatakan terma dan syarat-syarat yang Ahli bersedia menawarkan bagi melanjutkan terma-terma Kontrak ini seperti berikut:
- (i) Tempoh Kontrak yang baru,
  - (ii) Gaji bulanan di dalam Ringgit Malaysia,
  - (iii) Kemudahan-kemudahan seperti rumah, kenderaan, perubatan dan lain-lain terma atau syarat yang difikirkan perlu oleh Ahli,
  - (iv) Tarikh perundingan Kontrak iaitu dalam masa 14 hari daripada tarikh notis diterima oleh Pegawai,
  - (v) Menyatakan tarikh terakhir Pegawai perlu memberikan sebarang maklumat balas kepada Pasukan iaitu tidak lebih daripada 14 hari daripada tarikh notis diterima oleh Pegawai.
- 9.3 Pegawai **hendaklah** dalam masa 14 hari atau sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan dalam notis oleh Ahli menyatakan kepada Ahli sama ada menerima, menolak atau menetapkan tarikh perundingan terma-terma Kontrak jika tarikh tersebut berlainan daripada tarikh yang ditetapkan dalam notis mengikut Perkara 9.2(iv). Jika Pegawai tidak membalas kepada Ahli dalam tempoh tersebut, maka notis yang mengandungi terma-terma yang ditawarkan seperti Perkara 9.2 (i, ii, iii) akan berkuatkuasa dan hendaklah digunakan semasa tempoh yang dilanjutkan dengan syarat satu Kontrak baru yang mengandungi terma-terma baru ini hendaklah ditandatangani oleh Pegawai dan Ahli selewat-lewatnya 30 hari selepas tamat notis.
- 9.4 Jika dalam tempoh 14 hari, Pegawai menerima atau bersetuju dengan terma-terma Kontrak yang baru dan dimaklumkan secara bertulis kepada Ahli, maka Kontrak baru hendaklah ditandatangani di antara Pegawai dan Ahli selewat-lewatnya 30 hari selepas tamat notis.
- 9.5 Jika dalam tempoh 14 hari Pegawai memberi notis menolak tawaran ini atau Ahli dan Pegawai gagal mencapai kata sepakat mengenai terma-terma atau syarat-syarat Kontrak yang baru, maka Pegawai adalah terlepas daripada tanggungjawab mematuhi notis yang dikeluarkan oleh Ahli. Pegawai dan Ahli

bertanggungjawab sepenuhnya untuk mematuhi Kontrak sehingga tamat kecuali, jika ada persetujuan bersama di antara Pegawai dan Ahli untuk menamatkan Kontrak tersebut lebih awal. Selepas tamat tempoh Kontrak, Pegawai bebas berunding atau memasuki Kontrak dengan **Ahli Baharu** tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ahli.

- 9.6 Jika Kontrak tidak ditandatangani mengikut tempoh yang ditetapkan seperti Perkara 9.3 dan 9.4, Pegawai bebas berunding atau memasuki Kontrak dengan **Ahli Baharu** tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran daripada Ahli.
- 9.7 Jika dalam masa 30 hari sebelum Kontrak tamat Ahli masih tidak memberi notis kepada Pegawai untuk melanjutkan Kontrak atau notis tidak sah mengikut Perkara 9.2, maka Pegawai mempunyai hak untuk berunding dengan mana-mana Ahli Baharu, tanpa perlu mendapat kebenaran daripada Ahli. Dalam kes sebegini, Ahli hendaklah melepaskan Pegawai tersebut kepada Ahli Baharu tanpa syarat.

#### **PERKARA 10 : PENYELESAIAN MUKTAMAD SEBARANG PERSELISIHAN.**

- 10.1 Sebarang perselisihan yang timbul antara pihak-pihak yang berkaitan dengan Kontrak ini dan yang tidak diselesaikan dengan memuaskan kedua-dua pihak akan dirujuk kepada Jawatankuasa Status FAM. Jika perselisihan itu tidak dapat diselesaikan oleh Jawatankuasa Status FAM atau keputusan Jawatankuasa Status FAM tidak memuaskan pihak-pihak yang bersengketa maka ia hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Rayuan FAM.

Jika keputusan Jawatankuasa Rayuan FAM masih lagi tidak memuaskan pihak-pihak yang bersengketa atau perselisihan tersebut masih tiada penyelesaian, maka ia hendaklah dirujuk kepada MAJLIS TIMBANGTARA (COURT OF ARBITRATION) menurut Akta Timbangtara 1952 oleh seorang Timbangtara yang dipersetujui bersama oleh pihak-pihak yang bersengketa. Proses *ini* hendaklah dijalankan di Malaysia. Keputusan Timbangtara adalah muktamad dan hendaklah diterima oleh semua pihak terbabit. Bayaran kos Timbangtara berkenaan hendaklah ditanggung oleh pihak yang membuat rayuan ke Majlis Timbangtara.

- 10.2 Prosiding Dalam Sebuah Mahkamah Undang-Undang.

Tiada Ahli, Ahli Baharu, Pasukan, Pegawai, Pemain atau wakil dibenarkan memfail apa-apa prosiding berkaitan dengan status, perpindahan dan Kontrak atau sebarang kilan mengenai Peraturan Status dan Perpindahan Pemain Bolasepak Malaysia dalam mahkamah undang-undang melainkan **telah ada**

**peruntukan secara khusus dalam Statut FAM dan Peraturan FIFA. Apa-apa pertikaian berkaitan dengan status, perpindahan, Kontrak dan sebarang kilan mengenai Peraturan Status dan Perpindahan Pemain FAM, hendaklah dikemukakan kepada bidang kuasa FAM, AFC atau FIFA.**

#### **PERKARA 11 : NOTIS**

Waktu setiap kali disebut adalah inti bagi Kontrak ini.

#### **PERKARA 12 : NOTIS**

Semua notis yang diberi di bawah Kontrak ini hendaklah dibuat secara bertulis dan mesti dihantar kepada Ahli melalui pos berdaftar ke alamat **yang dinyatakan di dalam Kontrak ini** dan mesti dihantar kepada Pegawai di alamat terakhir yang diketahui dan **setelah dihantar, notis adalah** dianggap sudah diterima oleh Pegawai.

#### **PERKARA 13 : PENGUATKUASAAN KONTRAK.**


- 13.1 Kontrak ini adalah mengikat Ahli dan Pegawai dan pengganti-penggantinya termasuk waris-waris, pengganti dan wakil peribadinya.
- 13.2 Semua Kontrak bagi Pegawai dan **Ahli** untuk tujuan pendaftaran mestilah distemkan terlebih dahulu di dalam masa 30 hari selepas Kontrak ditandatangani dan tanggungjawab perbelanjaan stem adalah ditanggung oleh **Ahli**.

#### **PERKARA 14 : INTREPRETASI.**

- 14.1 **Interpretasi di dalam Kontrak ini adalah seperti berikut** kecuali jika konteks menyatakan sebaliknya:-
- (i) Rujukan kepada Pegawai adalah termasuk mereka yang menjalankan tugas baginya seperti peguam (pemegang amanah) serta wakil-wakil peribadi.
  - (ii) Rujukan kepada Ahli adalah termasuk Persatuan Bolasepak Negeri atau Ahli-Ahli **FAM**.


SEBAGAI SAKSI KEPADA KONTRAK antara pihak-pihak tersebut di atas yang ditandatangani pada hari bulan dan tahun yang disebut diatas.

Ditandatangani oleh untuk  
dan bagi pihak Ahli  
dihadapan :-

  
(Tandatangan Saksi)

**Nama : David Wisom**

**No. K/P : 821210-12-5871**

]   
]  
(Tandatangan Ahli)


**Nama Ahli : Andrew W. Majanggim**

**Jawatan : Setiausaha Agung**

**Cop Rasmi :**



Ditandatangani oleh Pegawai  
dihadapan :-

  
(Tandatangan Saksi)

**Nama : Mohd Syazwan Bin Imran**

**No. K/P : 900723-12-5565**

]   
]  
(Tandatangan Pegawai)

No. KP : 910130-12-5673

**JADUAL A – GAJI**  
**(Perkara 2.1, Kontrak)**

a) Tahun Pertama

Musim **2020:** ( RM 2,500.00 Dua Ribu Ringgit Malaysia Sahaja) sebulan dan hendaklah dibayar **selewat-lewatnya tujuh (7) haribulan, bulan berikutnya.**

b) Tahun Kedua

Musim\_\_\_\_\_:RM\_\_\_\_\_ sebulan dan hendaklah dibayar **selewat-lewatnya tujuh (7) haribulan, bulan berikutnya.**

c) Tahun Ketiga

Musim\_\_\_\_\_:RM\_\_\_\_\_ sebulan dan hendaklah dibayar **selewat-lewatnya tujuh (7) haribulan, bulan berikutnya.**

d) Tahun Keempat

Musim\_\_\_\_\_:RM\_\_\_\_\_ sebulan dan hendaklah dibayar **selewat-lewatnya tujuh (7) haribulan, bulan berikutnya.**

e) Tahun Kelima

Musim\_\_\_\_\_:RM\_\_\_\_\_ sebulan dan hendaklah dibayar **selewat-lewatnya tujuh (7) haribulan, bulan berikutnya.**

**JADUAL B - KEMUDAHAN LAIN**  
***(Perkara 2.3, Kontrak)***

- a) Polisi Insurans yang wajib dibeli seperti yang ditetapkan oleh FAM.
- b) Sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) berdasarkan Akta EPF 1991.
- c) Sumbangan Sosial Pekerja 1969.
- d) ***Ahli akan membuat potongan berjadual gaji Pegawai untuk tujuan membayar cukai pendapatan Pegawai kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).***
- e) Kemudahan perubatan percuma termasuk perbelanjaan memasuki hospital kepada Pegawai, isterinya dan anak-anak oleh Pegawai Perubatan yang dilantik oleh Ahli. Pembayaran bagi rawatan pakar dan rawatan pergigian tidak termasuk kecuali dipersetujui bersama oleh Ahli. Tanggungan maksimum oleh Ahli di bawah perkara ini tidak akan melebihi **RM 1,200.00** setahun.
- f) Sepanjang tempoh Kontrak ini, Pegawai berhak menerima cuti tahunan (Tertakluk kepada kelulusan Ahli dan Tidak melebihi 12 hari) tertakluk kepada kelulusan Ahli.
- g) Kemudahan-kemudahan lain yang dipersetujui antara Ahli dan Pegawai:-
  - i. \_\_\_\_\_
  - ii. \_\_\_\_\_
- h) Laporan prestasi pasukan mesti dikemukakan kepada Ahli pada separuh musim pertama dan pada akhir musim liga oleh Pegawai.
- i) Sasaran pasukan adalah lima (5) pasukan teratas liga setiap separuh musim liga.
- j) Sekiranya laporan seperti yang disebut pada Perkara 7.1 gagal dilengkapkan dan diserahkan kepada pihak ahli dalam masa tujuh (7) hari selepas berakhirnya separuh musim pertama dan tujuh (7) hari selepas berakhirnya musim liga, maka Ahli berhak untuk memotong sebanyak 20% daripada keseluruhan gaji Pegawai bagi bulan seterusnya sehingga tamat musim liga.
- k) Sekiranya pasukan mengalami kekalahan 5 kali berturut-turut maka ahli berhak untuk memotong gaji Pegawai sebanyak 30% daripada gaji bulan seterusnya.
- l) Jika Pegawai gagal memperbaiki prestasi semasa pasukan pada mana-mana bahagian musim, maka pegawai tersebut boleh ditamatkan perkhidmatannya atas permintaan Ahli and kontrak ini akan ditamatkan oleh kedua-dua pihak selaras dengan Perkara 7.2 dengan dua (2) bulan gaji sebagai pampasan kepada Pegawai atau ditamatkan perkhidmatannya selaras dengan Perkara 7.3.
- m) Sekiranya Ahli membuat keputusan untuk menggunakan Jadual B (l), maka Pegawai perlu memberhentikan tugas-tugasnya dengan kadar segera walaupun urusan penamatan Kontrak ini belum diselesaikan.

